

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH
KAWASAN : PASIR PUTEH
TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengutamakan kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan raya persekutuan di negeri Kelantan yang menjadi laluan perhubungan utama Pantai Barat dan Pantai Timur.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah **Lebuhraya Timur Barat (FT04)** iaitu laluan perhubungan utama Pantai Barat dan Pantai Timur yang menghubungkan Gerik, Perak sehingga ke Pasir Puteh, Kelantan yang melibatkan panjang jalan **115.95 km**.

Setiap tahun, Kementerian akan memperuntukkan sebanyak **RM2.38 juta** bagi pelaksanaan **penyenggaraan rutin**. Skop **penyenggaraan rutin** ini meliputi kerja-kerja seperti tampalan lubang jalan, meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, membersihkan sistem perparitan jalan dan pembetung serta melakukan rondaan pemeriksaan jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi skop kerja tampalan lubang jalan, tindakan tampalan lubang jalan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam oleh syarikat konsesi selepas lubang jalan dikenal pasti. Penampalan lubang jalan ini ialah sebagai langkah awal atau kaedah "*preventive*" bagi tujuan faktor keselamatan pengguna jalan sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan di bawah skop **penyenggaraan berkala pavemen**.

Bagi **penyenggaraan berkala** pada tahun **2018**, sebanyak **RM5.72 juta** telah diperuntukkan iaitu daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM4.85 juta** telah diperuntukkan bagi penyenggaraan **berkala pavemen** dan sebanyak **RM870 ribu** telah diperuntukkan bagi penyenggaraan **berkala bukan pavemen** di laluan tersebut.

Manakala bagi tahun **2019**, setakat **Ogos 2019**, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM2.98 juta** bagi **penyenggaraan berkala** iaitu sebanyak **RM2.6 juta** telah diperuntukkan bagi penyenggaraan **berkala pavemen** dan sebanyak **RM380 ribu** telah

diperuntukkan bagi penyenggaraan **berkala bukan pavemen** di laluan tersebut.

Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan khususnya di laluan **Lebuhraya Timur Barat (FT04)** terutamanya **penyenggaraan berkala**. Setiap tahun Kementerian akan menyediakan program penyenggaraan berkala **pavemen** dan berkala **bukan pavemen** bagi permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan. Pelaksanaan **penyenggaraan berkala** ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.